



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

PEMBANGUNAN TAMAN AWAM KUALA KERTEH PENUHI KEPERLUAN PENYEDIAAN KAWASAN PERSEKITARAN BERKUALITI BAGI AKTIVITI REKREASI AWAM

KEMAMAN, 28 Februari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan **Projek Pembangunan Taman Awam Kuala Kerteh, Kemaman** pada pagi ini. Beliau turut menyempurnakan acara penanaman pokok *Melaleuca linariifolia* sebagai simbolik perasmian pembangunan projek ini dan juga menyokong usaha menjayakan agenda penghijauan Malaysia dengan menanam 100 juta pokok di seluruh negara.

Taman Awam Kuala Kerteh terletak dua (2) kilometer dari Bandar Baru Kerteh iaitu di lokasi strategik pertemuan Muara Sungai Kerteh dan Pantai Kuala Kerteh. Pembangunan taman awam ini melibatkan **peruntukan RM15.3 juta** dengan **tempoh pelaksanaan selama 99 minggu dan telah siap pada 27 Oktober 2023**. **Berkeluasan 22.168 ekar**, taman ini boleh menampung keperluan riadah bagi 20,000 orang pengunjung khususnya masyarakat setempat.

Berkonsepkan **Eksplorasi Visual**, Taman Awam Kerteh dibangunkan sebagai pusat aktiviti eksplorasi keindahan pemandangan semula jadi dan keunikan budaya masyarakat setempat. Rekaannya mengambil kira elemen kualiti visual pemandangan sekitar dalam pembentukan ruang landskap. Komponen pembangunan taman awam ini terdiri daripada dewan terbuka, menara pandang, *main entrance statement 1*, *main entrance statement 2*, plaza, alatan permainan kanak-kanak, kawasan parkir kenderaan awam, tandas, laluan pejalan kaki dan jambatan, serta ruang-ruang hijau terbuka untuk kemudahan orang ramai berkelah.

Program Pembangunan Taman Awam merupakan satu **inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** melalui **Jabatan Landskap Negara**

(JLN) untuk menyediakan ruang rekreasi kepada masyarakat awam di setiap bandar. **Sehingga Disember 2023, KPKT melalui JLN telah membangunkan sejumlah 60 buah Taman Awam di seluruh negara.** Pembangunan Taman Awam Kuala Kerteh ini merupakan **taman awam yang keempat** dibina di Negeri Terengganu, selepas Taman Awam Batu Burok, Taman Awam Lagun Kuala Ibai di Kuala Terengganu dan Taman Awam Teluk Gadung di Dungun.

Pada ketika ini, KPKT menerusi JLN sedang membangunkan Projek Landskap Perbandaran Dungun yang bernilai RM30 juta dan juga Projek Pemuliharaan Kunang - Kunang Sungai Yak Yah, Kemaman dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5.31 juta. Secara keseluruhannya, **jumlah peruntukan yang disalurkan KPKT menerusi JLN untuk pelaksanaan projek landskap dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) di Negeri Terengganu sahaja berjumlah RM 56.81 juta.**

YB KM berkata, “Komitmen pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh KPKT menerusi JLN ini merupakan cerminan kepada usaha-usaha berterusan Kerajaan untuk mewujudkan kawasan persekitaran kehidupan yang kondusif untuk masyarakat awam. Persepsi tentang landskap yang hanya bersifat estetik semata-mata di kalangan masyarakat perlu diubah kerana landskap dilihat sebagai satu keperluan pada masa kini.”

Tambah beliau, “KPKT sentiasa fokus kepada usaha memperkasakan daya huni bandar (*liveability*) yang menjadi satu instrumen penting dalam menentukan keselesaan persekitaran kehidupan. Peningkatan jumlah penduduk yang semakin tinggi terutamanya di kawasan perbandaran telah meningkatkan keperluan ruang hijau sebagai medium interaksi sosial, terapi serta ketenangan (*therapy and healing*) dan untuk tujuan rekreasi. Justeru, pembinaan Taman Awam Kuala Kerteh ini diharap dapat dimanfaatkan dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab dalam menjaga persekitaran alam semulajadi dan kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan.”

Majlis turut dihadiri oleh ADUN Air Putih, YB Haji Mohd Hafiz bin Adam; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Encik Mansor bin Mohamad; Yang DiPertua Majlis

Perbandaran Kemaman (MPK), Encik Fadli Yusof bin Zakaria serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

